**KERATAN AKHBAR**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) | | | |
| TARIKH | : | 1/8/2018 | MUKA SURAT | : | 18 |
| JABATAN | : | FRIM | | | |
| KLASIFIKASI | : | **MAKLUMAN** | | | |




# Elak eksploitasi

SEMENTARA itu, Felo Penyelidik FRIM, **Dr. Norini Haron** menjelaskan, projek tersebut memberi keadilan kepada Orang Asli yang selama ini dieksploitasi oleh sesetengah pihak yang berniaga.



DR. NORINI HARON



RAZALI KULIM

Katanya, mereka ini menggunakan pengetahuan tradisi daripada Orang Asli untuk menghasilkan sesuatu produk herba atau makanan tambahan dan seterusnya mengaut keuntungan bersendirian tanpa memberikan faedah atau pulangan kepada sumber iaitu Orang Asli.

Oleh itu, katanya, projek yang berteraskan adil dan saksama ini akan memanfaatkan semua pihak seperti kerajaan sebagai pemilik tanah, agensi sebagai penyelidik dan masyarakat Orang Asli yang akan sama-sama berkongsi hasil produk yang telah diusahakan.

"Kita bukan sahaja hendak mengelakkan pengetahuan tradisi Orang Asli itu hilang, tetapi berharap mereka ini tidak terus teraniaya dan diekspoitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kita juga akan menandatangani perjanjian akses dan perkongsian faedah bersama Orang Asli tidak lama lagi supaya sumber biologi atau pengetahuan tradisi tidak disalah guna.

"Dalam masa sama, pemilik sumber atau pengetahuan tradisi mendapat faedah hasil daripada pengkomersialan sumber itu.

Dalam pada itu, Tok Batin Kampung Lubok Legong, **Razali Kulim** berpendapat, kerjasama antara Orang Asli dan agensi penyelidikan turut memberikan pengetahuan yang baharu kepada mereka.

"Seperti prototaip yang dilancarkan hari ini, pada mulanya pengetahuan tradisi kami hanya mengetahui tumbuhan KLL092 ini boleh mengubati lelah atau asma.

"Tetapi apabila pihak FRIM menjalankan kajian mereka mendapati produk ini juga boleh merawat diabetes.

"Oleh itu, ia sesuatu yang sangat bagus dan kami sangat menyokong usaha ini," ujarnya.